

# 500,000 penduduk hidap Hepatitis C

Berita HORIZON 02/08/2018 MS 04

➔ Kementerian Kesihatan jangka jumlah pesakit meningkat dengan 60,000 kematian menjelang 2039

Oleh Suhaila Shahrul Anuar dan Hashini Kavishtri Kannan  
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

**D**ianggarkan kira-kira 500,000 penduduk di negara ini menghidap penyakit Hepatitis C dan angka itu akan terus meningkat dengan juruan lebih 60,000 kematian berkaitan penyakit itu menjelang 2039.

Menteri Kesihatan, Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kemungkinan jumlah yang menghidap penyakit berkenaan lebih tinggi berikutan kurang kesedaran mengenai penyakit itu sehingga banyak kes tidak didiagnosis.

Beliau berkata, jangkitan virus Hepatitis C di Malaysia adalah beban klinikal dan sosial kepada kerajaan.

Katanya, Kementerian Kesihatan menyedari jumlah peningkatannya serta bebannya kepada rakyat

dan disebabkan itu pelbagai langkah dilaksanakan untuk memastikan penawar mampu dimiliki dan boleh diakses di negara ini.

“Pada 2016, Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Drugs for Neglected Disease initiative (DNDi) dan Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM) menjalankan ujian klinikal terhadap Hepatitis C bagi mendapatkan bukti klinikal kritikal dan data sebatian klinikal yang pernah diluluskan untuk penyakit itu.

“Keputusan ujian itu menunjukkan kadar penyembuhan 97 peratus dan dapat merawat bentuk penyakit yang paling parah menggunakan ubat Ravidasvir dan ubat generik Sofosbuvir.

## Turunkan kos rawatan

“Ia juga berpotensi menurunkan kos rawatan Hepatitis C daripada RM387,000 kepada hanya RM1,200, bagaimanapun ujian klinikal selanjutnya masih perlu dilakukan.

“Walaupun data klinikal baharu sedang dihasilkan, Kementerian Kesihatan sangat proaktif dalam memastikan rawatan berkaitan Hepatitis C boleh didapati di 22 hospital kerajaan dan 25 Klinik Kesihatan seluruh negara yang mana pelesenan dikeluarkan kerajaan,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menyaksikan sesi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Yayasan Diagnostik Baru Inovatif (FIND) dan CRM, sebuah syarikat bukan berorientasikan keuntungan yang dimiliki Kementerian

Kesihatan untuk kerjasama dalam kajian dan pembangunan inovatif bagi ujian diagnostik Hepatitis C.

Dr Dzulkefly berkata, kerjasama itu menggariskan kepentingan penyelidikan dan pembangunan dalam usaha perintis kerajaan bagi menangani penyakit Hepatitis C dan inisiatif ini dijalankan sebagai kesinambungan perkongsian dengan DNDi sebelum ini.

## Kaedah diagnosis, rawatan lebih cepat

“Kajian dalam tempoh dua tahun ini dijangka dapat menemukan kaedah diagnosis dan rawatan Hepatitis C yang lebih cepat. Ia akan dilaksanakan di 25 fasiliti kesihatan membabitkan lima hospital daerah.

“Menerusi kajian ini kira-kira 50,000 individu akan diperiksa dan kira-kira 1,200 daripadanya dijangka memerlukan rawatan yang akan dimasukkan dalam ujian klinikal bersama DNDi sebelum ini,” katanya.

Dalam pada itu, katanya Kementerian Kesihatan memberikan tumpuan serta lebih perhatian kepada kumpulan sasar termasuk golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) dalam usaha menangani isu penularan jangkitan HIV di negara ini.

Berhubung isu doktor pelatih dibuli pihak atasan, katanya, beliau kini sedang giat mengumpul maklumat dengan mengadakan pertemuan dengan pelbagai peringkat termasuk doktor pelatih, pegawai dan pakar perubatan bagi menangani perkara itu.

## HEPATITIS C

▲ Boleh merebak dari cecair tubuh seperti darah dan air mani. Majoriti individu yang dijangkiti tiada simptom

▲ Boleh menyebabkan penyakit hatikronik dan sirosis hati dengan komplikasinya

## SIAPA YANG BERISIKO

1 PEKERJAAN yang terdedah kepada pengendalian darah atau cecair badan

2 INDIVIDU yang mempunyai berbilang pasangan seks

3 PENAGIH dadah yang menggunakan suntikan

4 PESAKIT menggunakan hemodialisis

KIRA-KIRA 500,000 penduduk negara ini menghidap penyakit Hepatitis C

## PENCEGAHAN DAN RAWATAN

- Jangan berkongsi barangan persendirian yang mungkin ada darah (seperti jarum suntikan, berus gigi, pisau cukur, pengetip kuku dan gunting)
- Amalkan cara hidup sihat
- Jika anda dijangkiti, jumpa doktor kerana virus hepatitis boleh dirawat. Rawatan adalah untuk mencegah komplikasi
- Setengah individu tidak perlukan rawatan tetapi mesti dipantau di klinik kerana keadaannya boleh berubah dan memerlukan rawatan terutama komplikasi kanser hati
- Tidak ambil pil dan ubat rawatan tanpa memberitahu doktor anda penghidap hepatitis

